

08/12/1997

Ekobike turut jadi perhatian

SELAIN kapal selam, kapal perang dan kapal persiaran mewah yang menjadi tarikan utama segmen maritim Lima 97, basikal berkuasa bateri pertama negara berjaya mencuri perhatian pengunjung.

Malah, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak melepaskan peluang mencuba keupayaan basikal yang bergelar Ekobike itu ketika melawat tapak pameran semalam.

Sebanyak 20 tempahan tempatan dan 20 pertanyaan daripada syarikat asing diterima syarikat pengeluar TWM Enterprise Sdn Bhd.

(END)